



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ)

**BLOK G, MENARA KKR 2, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA, JALAN SULTAN
SALAHUDDIN, KUALA LUMPUR**

3 HINGGA 12 OKTOBER 2018



**CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

Laporan Penaksiran Kualiti Persekitaran Dalaman (IAQ)

Blok G, Menara KKKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia,

Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur

RINGKASAN EKSEKUTIF

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal di bawah Jawatankuasa Kerja Persekitaran Dalaman (JKKPD) telah menjalankan Penaksiran Kualiti Udara Dalaman (IAQ) di Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur bermula daripada 3 Oktober 2018 sehingga 12 Oktober 2018. Aktiviti ini dilaksanakan menerusi permohonan daripada Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat bagi memastikan bangunan memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) dan Kriteria dalam penilaian pensijilan MyCREST.

Kaedah penaksiran IAQ yang telah dijalankan adalah berdasarkan Garispanduan Kualiti Persekitaran Dalaman (IEQ) 2013 oleh JKR Malaysia dan Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 (ICOP 2010) oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Pensampelan dan analisis terhadap parameter-parameter Kualiti Udara Dalaman dijalankan mengikut kaedah dan teknik amalan antarabangsa termasuklah Kaedah NIOSH dan Piawaian ASHRAE.

Berdasarkan penaksiran parameter fizikal, didapati suhu udara Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia berada dalam julat 22 - 25°C. Kelembapan relatif di kesemua titik ukuran berada dalam Julat Boleh Terima 40 – 70%. Walau

bagaimanapun, pergerakan udara bagi kebanyakan lokasi adalah kurang dari Julat Boleh Terima iaitu 0.15 – 0.5 meter per saat (m/s).

Data yang diperolehi untuk bahan cemar kimia pula iaitu Karbon Monoksida, Ozon, Zarahana Ternafaskan, Jumlah Sebatian Organik Meruap, menunjukkan tahap yang baik dan mematuhi Had Boleh Terima yang ditetapkan oleh Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010. Data bagi Formaldehid pula di beberapa tempat ada yang menghampiri dan melebihi Had Boleh Terima pada waktu pagi namun rekod bacaan pada sebelah petang berada dalam had boleh terima. Secara keseluruhannya, tahap pendedahan Formaldehid berada pada keadaan terkawal kerana kurang daripada lapan (8) jam tempoh pendedahan.

Bacaan bagi karbon dioksida pula bagi kebanyakan tempat adalah berada pada Had Boleh Terima dan hanya sebilangan kecil melebihi had. Namun setelah pemeriksaan dan pembaikan pada *Fresh Air Damper*, bacaan karbon dioksida tidak melebihi had boleh terima (1000ppm).

7.1	Integrasi <i>Building Automation System (BAS)</i> (<i>Temperature Sensor dan Carbon Dioxide Sensor</i>) dan <i>Variable Air Volume (VAV)</i>	38
7.2	Penggunaan Pewangi Berasaskan Bahan Kimia	39
7.3	Pembuangan Sisa Makanan.....	39
8.0	KESIMPULAN	39
9.0	PASUKAN PENAKSIRAN IAQ	41
10.0	RUJUKAN	41
	LAMPIRAN	43
(A)	Data Pengukuran Kualiti Udara Dalaman (IAQ)	
(B)	Gambar-gambar Pemeriksaan Lintas Lalu	
(C)	Sijil Kalibrasi Peralatan	
(D)	Borang Soal Selidik	
(E)	Pelan Susun Atur Dan Titik Pensampelan	

ISI KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF	i
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF	2
3.0 SKOP PENILAIAN.....	3
3.1 Standard dan Garis Panduan Berkaitan	4
4.0 MAKLUMAT TAPAK	5
4.1 Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur 6	
5.0 METODOLOGI	7
5.1 Pemeriksaan Lintas Lalu	7
5.2 Borang Soal Selidik.....	7
5.3 Pensampelan dan Kaedah Analisis.....	7
5.4 Penyiasatan Sistem Penyaman Udara dan Pengalihudaraan Mekanikal (ACMV).....	10
6.0 KEPUTUSAN DAN PENEMUAN.....	11
6.1 Pemeriksaan Lintas Lalu (Walk-Through Inspection).....	11
6.2 Kajian Soal Selidik Kualiti Udara Dalaman (IAQ)	12
6.3 Punca Berpotensi Bagi Bahan Pencemaran Kualiti Udara Dalaman (IAQ)	14
6.4 Keputusan Pemantauan Bacaan Terus (<i>Direct Reading Monitoring Results</i>)	16
6.6 Status Keseluruhan Pematuhan Standard Kualiti Udara Dalaman	37
7.0 PERBINCANGAN DAN PENGESYORAN	39

7.1	Integrasi <i>Building Automation System (BAS)</i> (<i>Temperature Sensor</i> dan <i>Carbon Dioxide Sensor</i>) dan <i>Variable Air Volume (VAV)</i>	38
7.2	Penggunaan Pewangi Berasaskan Bahan Kimia	39
7.3	Pembuangan Sisa Makanan.....	39
8.0	KESIMPULAN	39
9.0	PASUKAN PENAKSIRAN IAQ	41
10.0	RUJUKAN	41
LAMPIRAN		
(A)	Data Pengukuran Kualiti Udara Dalaman (IAQ)	
(B)	Gambar-gambar Pemeriksaan Lintas Lalu	
(C)	Sijil Kalibrasi Peralatan.....	
(D)	Borang Soal Selidik.....	
(E)	Pelan Susun Atur Dan Titik Pensampelan	

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) BLOK G, MENARA KKR , IBU PEJABAT JKR MALAYSIA, KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.2018
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 1 / 43

1.0 PENGENALAN

Penaksiran Kualiti Persekitaran Dalaman ini telah dilaksanakan pada 3 Oktober 2018 sehingga 12 Oktober 2018 di Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. Penaksiran IAQ ini dilaksanakan menerusi permohonan daripada Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat bagi memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) dan Kriteria dalam penilaian pensijilan MyCREST.

Penaksiran ini telah dilaksanakan berdasarkan kepada *Guidelines on Indoor Environmental Quality (IEQ) for Government Office Buildings 2013* oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 (ICOP 2010) oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Kualiti persekitaran dalaman (IAQ) yang baik adalah diperlukan bagi mewujudkan persekitaran kerja dalaman yang sihat. Kualiti persekitaran dalaman yang kurang baik boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan jangka pendek dan jangka panjang. Masalah kesihatan yang biasan yang dikaitkan dengan IAQ kurang baik termasuklah tindak balas alahan, masalah pernafasan, kerengsaan mata, sinusitis, bronkitis dan pneumonia. Masalah IAQ biasanya berlaku di dalam bangunan yang kedap udara (tight building) dan dilengkapi sistem penyaman udara dan pengalihudaraan mekanikal. Secara amnya masalah IAQ boleh disebabkan oleh bahan cemar udara dalaman atau pengalihudaraan yang tidak mencukupi.

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 2 / 43

Terdapat banyak punca bahan cemar udara dan antara punca yang lazim ialah asap tembakau persekitaran (ETS) yang dibebaskan oleh pembakaran produk tembakau; pelbagai bahan kimia seperti formaldehid yang dibebaskan daripada hiasan, perabot; sebatian organik meruap yang dibebaskan daripada penggunaan pelarut; dan ozon yang dibebaskan oleh mesin fotokopi dan pencetak laser. Malahan ETS juga telah dikenal pasti sebagai karsinogen kepada manusia oleh Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa (IARC) dalam tahun 2002 dan pendedahan kepada ETS akan meningkatkan risiko penyakit jantung koronari.

Oleh yang demikian, Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 (ICOP 2010) dan Garispanduan IEQ JKR 2013 telah digubal dan dihasilkan untuk memastikan pekerja dan penduduk dilindungi daripada kualiti udara yang kurang baik yang boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan mereka, dan dengan ini mengurangkan produktiviti mereka. Kewajipan majikan dan mereka yang bekerja sendiri ke atas pekerja mereka adalah seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP), manakala Seksyen 17 AKKP menetapkan bahawa kewajipan ini turut menjadi kewajipan am majikan dan mereka yang bekerja sendiri kepada orang lain selain pekerja mereka.

2.0 OBJEKTIF

Objektif melaksanakan penaksiran kualiti persekitaran dalaman adalah:

- Untuk mengenal pasti punca bahan cemar udara dalaman sama ada di dalam tempat kerja atau daripada udara luar;

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 3 / 43

- ii. Untuk menilai pendedahan penduduk kepada bahan cemar udara di dalam bangunan sama ada dari punca dalaman atau luaran;
- iii. Untuk menentukan bahan cemar kimia; karbon monoksida, formaldehid, ozon, zarahana ternafaskan (respirable particulate) dan jumlah sebatian organik meruap (TVOC) di tempat kerja;
- iv. Untuk menentukan suhu udara, kelembapan relatif dan pergerakan udara di tempat kerja;
- v. Untuk menentukan kecukupan pengalihudaraan mekanikal di tempat kerja;
- vi. Untuk membuat kesimpulan ke atas pematuhan piawai kualiti udara dalaman yang disarankan; dan
- vii. Untuk menyarankan tindakan yang perlu diambil untuk menambah baik kualiti udara dalaman di tempat kerja.

3.0 SKOP PENILAIAN

Titik pensampelan telah ditentukan dan dipilih bagi setiap tingkat di dalam Bangunan Blok Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur untuk pengukuran parameter kualiti udara dalaman. Skop kerja untuk pemantauan kualiti udara adalah melalui pensampelan di tapak (*on-site sampling*), pengukuran bacaan dan pemantauan secara terus (*direct reading measurement and monitoring*).

Pemeriksaan kualiti udara dalaman telah dijalankan berpandukan kepada Garis Panduan Kualiti Persekitaran Dalam JKR 2013 dan Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 2010.



**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 4 / 43

3.1 Standard dan Garis Panduan Berkaitan

Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan julat had boleh terima bagi parameter fizikal dan senarai bahan cemar udara serta had boleh terima.

Jadual 1 : Julat Penerimaan untuk Parameter Fizikal Tertentu

Parameter	Julat boleh terima
(a) Suhu udara	23 – 26°C
(b) Kelembapan relatif	40-70%
(c) Pergerakan udara	0.15 – 0.50 m/s

Jadual 2 : Senarai Bahan Cemar Udara dan Had Penerimaan

Bahan cemar udara dalaman	Had boleh terima		
	ppm	mg/m ³	cfu/m ³
<u>Bahan cemar kimia</u>			
(a) Karbon monoksida	10	-	-
(b) Formaldehid	0.1	-	-
(c) Ozon	0.05	-	-
(d) Zarahhan ternafaskan	-	0.15	-
(e) Jumlah sebatian organik meruap (TVOC)	3	-	-
<u>Bahan cemar biologi</u>			
(a) Jumlah kiraan bakteria	-	-	500*
(b) Jumlah kiraan kulat	-	-	1000*
<u>Petunjuk prestasi pengalihan udara</u>			
(a) Karbon dioksida	C1000	-	-

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 5 / 43

Nota:

- Bagi bahan cemar kimia, hadnya adalah kepekatan di udara purata berpemberat lapan jam.
- mg/m³ adalah miligram per meter persegi udara pada 25°Celsius dan satu tekanan atmosfera.
- ppm adalah bahagian wap atau gas per juta bahagian udara tercemar menurut isi padu.
- cfu/m³ adalah unit membentuk koloni per meter padu.
- C adalah had siling yang tidak boleh dilebihi pada bila-bila masa. Bacaan melebihi 1000 ppm merupakan petunjuk pengalihudaraan tidak mencukupi.
- * lebihan kiraan bakteria tidak semestinya menunjukkan risiko kesihatan tetapi menjadi petunjuk bagi siasatan lanjut.

4.0 MAKLUMAT TAPAK

Nama Premis	: Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur
Alamat	: Jalan Sultan Salahudin, Kuala Lumpur, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Aktiviti Utama	: Pejabat Pengurusan dan Pentadbiran, Ruang Pejabat
Waktu Operasi	: 7.30 Pagi hingga 6.00 Petang

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 6 / 43

4.1 Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan

Salahuddin, Kuala Lumpur

Bangunan ini telah mula beroperasi dan diduduki semenjak tahun 2014. Menara KKR 2 ini merupakan bangunan pentadbiran dan pejabat yang merangkumi jumlah tingkat sebanyak 35 tingkat. Ianya terbahagi kepada 5 cawangan bermula dari aras 4 sehingga aras 32 dan juga terdapatnya pejabat pengurusan tertinggi di aras 33 hingga aras 35. Aras 1 hingga aras 2 menempatkan ruang-ruang bilik mesyuarat yang menggunakan sistem penyaman udara jenis VRF dan surau serta café di aras 3.

Di samping itu, fasiliti parkir kenderaan bertingkat juga turut disediakan bagi penghuni di Menara KKR2 bermula dari aras bawah (B1, B2) sehingga Aras 7.

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 7 / 43

5.0 METODOLOGI

Metodologi atau pendekatan kajian untuk penaksiran kualiti udara dalaman (IAQ) tersebut meliputi perkara seperti berikut:-

5.1 Pemeriksaan Lintas Lalu

Pemeriksaan lintas lalu telah dijalankan semasa waktu pejabat untuk memperolehi maklumat asas tentang faktor yang menjejaskan kualiti udara dalaman seperti bilangan penduduk, sistem penyaman & pengalihudaraan mekanikal (ACMV), laluan pencemaran dan punca bahan cemar yang berpotensi.

5.2 Borang Soal Selidik

Borang Soal Selidik dilaksanakan dengan edaran secara atas talian melalui emel kepada semua penghuni bangunan Blok G, Menara KKR2. Sebaran emel dilaksanakan melalui bantuan pihak Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat. Maklumat yang dikumpulkan kepada adalah bertujuan untuk mengenalpasti status kualiti udara semasa penghuni berada bangunan dan faktor-faktor lain yang berkaitan kesihatan dan ketidakselesaan.

5.3 Pensampelan dan Kaedah Analisis

Secara umumnya, pengukuran secara langsung dan pensampelan masa nyata dan pengukuran secara pengukuran pengganti iaitu dilaksanakan pada dua slot masa (pagi dan petang) telah digunapakai di dalam penaksiran Kualiti Udara

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 8 / 43

Dalaman. Bacaan Secara Terus daripada Kelengkapan telah dilakukan untuk parameter fizikal dan bahan kimia.

5.3.1 Kelengkapan Bacaan Terus (Direct Reading Instrument)

Pensampelan telah dilaksanakan dengan dua (2) slot masa dengan pengambilan tiga (3) bacaan dan selang masa lima (5) minit bagi setiap satu slot masa. Jadual 3 menunjukkan tempoh masa semasa fasa pemantauan dan Jadual 4 menunjukkan Senarai Jenis parameter dan Peralatan/Kelengkapan yang digunakan.

Jadual 3 : Slot Pensampelan dan Tempoh Masa

Slot Pensampelan	Tempoh Masa
Slot 1	9.00 pagi - 12.00 tengahari
Slot 2	2.00 petang - 4.00 petang

Jadual 4 : Senarai Peralatan dan Parameter IAQ

No.	Peralatan	Parameter	No. of Unit
1.	TSI VELOCICALC MULTI-FUNCTION VENTILATION METER	- Suhu Udara ($^{\circ}\text{C}$) - Kelembapan Relatif (%) - Pergerakan Udara (m/s) - Karbon Monoksida (ppm) - Karbon Dioksida (ppm)	1
2.	RAE PPBRAE 3000-VOC MONITOR	Jumlah Sebatian Organic Meruap (TVOC) (ppm)	1
3.	PPM FORMALDEMETER	Formaldehid (ppm)	1
4.	AEROQUAL PORTABLE GAS MONITOR	Ozon (ppm)	1
5.	TSI DUST TRAK	Zarahana Ternafaskan (Respirable Particulate) (mg/m^3)	1

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 9 / 43

5.3.2 Bilangan Titik Pensampelan

Bagi penaksiran Kualiti Udara Dalam (IAQ), bilangan titik pensampelan minimum yang diperlukan adalah seperti Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Bilangan titik pensampelan minimum yang disarankan bagi penaksiran kualiti udara dalaman

Jumlah keluasan lantai (dilengkapi sistem MVAC) (m ²)	Bilangan minimum titik pensampelan
< 3,000	1 per 500 m ²
3,000 - < 5,000	8
5,000 - < 10,000	12
10,000 - < 15,000	15
15,000 - < 20,000	18
20,000 - < 30,000	21
≥ 30,000	1 per 1,200 m ²

Titik pensampelan telah ditentukan bagi setiap cawangan dan pejabat. Titik-titik pensampelan tersebut adalah ditentukan setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i) Mewakili susun atur stesen kerja dan aktiviti kerja utama;
- ii) Kedudukan di tempat yang terdapat gangguan minimum daripada aktiviti kerja di dalam kawasan kajian;
- iii) Sekurang-kurangnya 0.5 m dari sudut atau tingkap, dinding, sesekat, dan permukaan menegak lain (misalnya cabinet fail);
- iv) Tidak berada betul-betul di hadapan peresap bekalan udara, unit aruhan, kipas lantai, atau pemanas, atau hembusan nafas pengendali;
- v) Tidak berada di bawah pancaran langsung cahaya matahari yang akan menjejaskan peralatan;
- vi) Bukan di laluan;

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 10 / 43

- vii) Sekurang-kurangnya 1 meter dari punca setempat seperti mesin fotokopi, pencetak, dan sebagainya;
- viii) Bukan di dalam lingkungan 2 meter dari pintu;

Secara umumnya, pengukuran parameter IAQ hendaklah dilaksanakan selama 8 jam secara berterusan. Walau bagaimanapun, pengukuran yang telah dijalankan di bangunan tersebut dilaksanakan secara pengukuran pengganti iaitu dilaksanakan pada dua slot masa kerana beberapa kekangan seperti peralatan IAQ, tenaga kerja, dan aktiviti penghuni bangunan. Kaedah ini boleh diterima dengan beranggapan aktiviti di tempat kerja tersebut adalah sama (*similar exposure*). Secara umumnya, kaedah pengukuran masa nyata telah diterapkan di dalam pensampelan IAQ tersebut dan pengukuran masa nyata ini dijalankan untuk menentukan parameter-parameter fizikal dan kimia.

5.4 Penyiasatan Sistem Penyaman Udara dan Pengalihudaraan Mekanikal (ACMV)

Jenis sistem penyaman udara yang digunapakai adalah seperti berikut:-

Jadual 6 : Maklumat Jenis Sistem Penyaman Udara

Bil.	Lokasi	Jenis Sistem Penyaman Udara
1.	Blok G, Menara KKR 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur	Sistem Penyaman Udara Berpusat Jenis <i>Water Cooled Chiller, Air Cooled Chiller, Variable Refrigerent Volume</i> dan Sistem Penyaman Udara Berasingan (<i>Air Cooled Split Unit</i>)

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 11 / 43

6.0 KEPUTUSAN DAN PENEMUAN

Setiap keputusan dan penemuan menerusi metodologi kajian dalam perenggan 5.0 disenaraikan dan dihuraikan dalam perenggan ini.

6.1 Pemeriksaan Lintas Lalu (Walk-Through Inspection)

Pemeriksaan lintas lalu telah dilaksanakan semasa sesi pengambilan sampel dijalankan. Pemerhatian yang dijalankan adalah termasuk di kawasan seperti berikut:-

- Sistem penyaman udara dan pengalihudaraan mekanikal (ACMV)
- Kawalan yang diliputi sistem penyaman udara
- Ruang bekerja kakitangan
- Pengalihudaraan Segar

Susun atur kawasan ruang bekerja dan keadaan digambarkan seperti dalam **Jadual 7** berikut:-

Jadual 7: Maklumat Kawasan Bekerja


No.	Deskripsi	Penemuan
1.	Jenis Sistem Penyaman Udara dan Pengalihudaraan (ACMV)	• Sistem Penyaman Udara Berpusat Jenis <i>Water Cooled Chiller, Air Cooled Chiller, Variable Refrigerent Volume</i> dan Sistem Penyaman Udara Berasingan (<i>Air Cooled Split Unit</i>)
2.	Purata masa kakitangan meluangkan masa dalam pejabat	8 Jam Sehari
3.	Jenis Permukaan	• Karpit
4.	Jenis Ruang Bekerja	• Kawasan Terbuka dengan 'Workstation' • Kawasan tertutup (bilik) bagi pegawai atasan.
5.	Jenis Peralatan Dalam Pejabat	• Komputer • Mesin Fotostat • Mesin Pencetak Laser • Server Rack

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 12 / 43

6.2 Kajian Soal Selidik Kualiti Udara Dalam (IAQ)

Kajian soal selidik ini menggunakan kaedah pengisian secara atas talian. Sebanyak 438 (37%) responden daripada setiap Cawangan di Bangunan Menara KKR2, Blok G telah memberikan maklum balas berhubung kualiti udara di bangunan tersebut.

Pecahan responden adalah seperti berikut:-



Daripada kaji selidik tersebut, secara keseluruhannya persepsi kualiti udara berada tahap Memuaskan merekodkan peratusan tertinggi iaitu pada kadar 47 peratus diikuti dengan tahap kualiti udara pada tahap baik 35 peratus, tahap Tidak Baik 11 peratus, Sangat Tidak Baik 6 Peratus dan Sangat Tidak Baik 1 peratus. Daripada kadar tersebut menunjukkan 87 peratus penghuni yang menduduki bangunan tersebut berpuas hati dengan tahap kualiti udara dalaman di Menara KKR2 Blok G. Bagi 13 peratus responden yang tidak berpuas hati, kebanyakan mereka bekerja selama 8 jam atau melebihi 8 jam. Masalah yang kerap dibangkitkan oleh responden yang tidak berpuas hati adalah melibatkan suhu sering tinggi dan kadang-kadang terlalu tinggi.




**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 13 / 43

Berikut adalah peratusan responden mengikut persepsi tahap kualiti udara dalam bangunan.



Walau bagaimanapun, berpandukan kepada *ASHRAE 62.1* menyatakan sekiranya bilangan penghuni bangunan yang berpuas hati melebihi 80 peratus daripada bilangan penghuni bangunan, ianya menunjukkan tahap kualiti udara berada dalam tahap boleh terima. Namun, bagi mencapai peratusan kepuasan penghuni bangunan yang mencapai tahap berpuas hati yang tinggi, pemilik bangunan perlu merujuk dan menilai secara lebih mendalam berhubung keperluan yang diperlukan oleh penghuni bangunan daripada aspek tahap kualiti udara dalaman.

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 14 / 43

6.3 Punca Berpotensi Bagi Bahan Pencemaran Kualiti Udara Dalaman (IAQ)

i) Bahan Kimia (Jumlah Sebatian Organik Meruap (TVOC), Formeldehid, Karbon Monoksida)

Pejabat ini telah beroperasi melebihi empat (4) tahun. Secara umumnya, kesan-kesan penggunaan bahan pelekat(*adhesive*) di perabot-perabot dan karpet telah berkurang. Potensi-potensi wujudnya pencemaran TVOC dan Fomeldehid adalah berpunca daripada penggunaan bahan-bahan wangian yang bersifat kimia seperti *Air Freshner* yang menggunakan kaedah semburan dan jenis gel yang dibeli oleh penghuni bangunan sendiri ataupun disediakan oleh pemilik bangunan. Di samping itu, penggunaan bahan-bahan pencuci jenis High VOC juga akan memberikan implikasi kepada wujudnya bahan cemar kimia di dalam ruang pejabat. Walau bagaimanapun, impak daripada cemar kimia ini dapat disingkirkan sekiranya penggunaan bahan-bahan pewangi daripada sebatian kimia tidak digunapakai di dalam ruang pejabat. Sekiranya terdapat bacaan melebihi paras had boleh terima dengan tempoh pendedahan melebihi lapan (8) jam, maka '*building flush out*' perlu dilaksanakan sebagai alternatif menyingkirkan bahan TVOC dan Formeldehid.

Di samping itu, bangunan ini juga menyediakan kemudahan parkir bertingkat. Asap daripada kenderaan ini berpotensi untuk masuk ke dalam sistem penngudaraan (fresh air) di Menara KKR2. Walau bagaimanapun, kemungkinan bahan cemar untuk menyusup masuk dalam bangunan adalah pada masa waktu puncak pergi dan balik dan bukan pendedahan sepanjang tempoh bekerja. Malahan, di sekeliling lokasi Menara KKR2 ini juga berada di tengah bandaraya yang padat dengan kenderaan serta berhampiran dengan jalan raya.

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 15 / 43

ii) Zarahhan Ternafaskan (*Respirable Particulates*)

Bangunan Blok G Menara KKR2 ini menggunakan mesin pencetak serta mesin fotostat dan meletakkan di tempat yang terbuka. Mesin fotostat dan mesin pencetak berkemungkinan boleh memberikan masalah kesihatan kerana ianya menghasilkan habuk (dust) apabila ianya beroperasi. Ianya seharusnya ditemparkan di kawasan pejabat secara tertutup.

Di samping itu, setiap aras di KKR 2 juga menggunakan karpet dan potensi habuk juga berkemungkinan berlaku sekiranya kerja-kerja senggaraan (vacuum) tidak dilaksanakan mengikut penjadualan yang ditetapkan.

iii) Pencemaran Biologi

Pencemaran Biologi di dalam Blok G Menara KKR 2 berpotensi untuk berlaku daripada tong sampah yang tidak terbuka dan tidak tertutup serta pasu yang menempatkan tumbuhan berasaskan air. Potensi untuk pertumbuhan microorganism samada bakteria atau fungus dapat dielakkan sekiranya tong sampah menggunakan tong sampah jenis tertutup dan pasu yang berisi air disenggara dan dibersihkan secara berkala.

iv) Prestasi Pengalihudaraan (Karbon Dioksida)

Menara KKR 2 menggunakan Sistem Penyaman Udara berpusat jenis Water Cooled Chiller, Air Cooled Chiller, VRF dan Air Cooled Split Unit. Sistem Penyaman Udara berpusat ini diintegrasikan, dikawal dan dipantau menggunakan *Building Automation System* (BAS). Setiap aras daripada Aras 4 sehingga 35 disediakan dengan Unit Air Handling Unit (AHU) dan Fan Coil Unit (FCU).

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 16 / 43

Kemasukan udara segar dikawal menerusi *Fresh Air Damper* AHU dan bacaan CO2 sensor yang ditetapkan adalah 700 ppm. Kegagalan *fresh air damper* berfungsi boleh mengakibatkan sistem tidak dapat mengawal kemasukan udara dengan baik dan menyebabkan bacaan CO2 di dalam ruang pejabat melebihi paras yang dibenarkan.

Bagi ruang bilik yang menggunakan Sistem Penyaman Udara jenis *Air Cooled Split Unit*. Sekiranya rekabentuk *Air Cooled Split Unit* tidak mempertimbangkan pengudaraan segar, ianya boleh menyebabkan kadar kepekatan di Karbon Dioksida di dalam ruang bekerja meningkat dan boleh memudaratkan manusia.

6.4 Keputusan Pemantauan Bacaan Terus (*Direct Reading Monitoring Results*)

Bacaan Data Terus daripada peralatan diperolehi untuk menentukan tahap kepekatan bahan cemar udara seperti Karbon Monoksida, Karbon Dioksida, Jumlah Sebatian Organik Meruap (Total Volatile Organic Compound), Formaldehid, Zarah Ternaafas (Respirable Particulates), Ozon, Suhu dan Kelembapan Relatif semasa penaksiran Kualiti Udara Dalaman di Bangunan Menara KKR2, Blok G, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Data Terperinci Pemantauan Kualiti Udara Dalaman adalah sepertimana yang dilampirkan dalam Lampiran (A). Keputusan tersebut dihuraikan menerusi graf bagi setiap parameter bahan cemar yang diukur di dalam bangunan ini mengikut lokasi penentuan titik pensampelan. Sebanyak 68 bilangan pensampelan pengukuran telah dilaksanakan semasa penaksiran kualiti udara dalaman.




**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 17 / 43

6.4.1 Suhu Udara



Suhu udara yang ditentukan semasa penaksiran tersebut berada dalam Julat Boleh Terima (23 - 26°C) yang telah ditetapkan oleh Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010. Suhu udara hendaklah dikekalkan di antara 23 - 26°C bagi memberikan

	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 18 / 43

keselesaian kepada pengguna. Secara keseluruhannya ruang-ruang tersebut berada dalam julat had boleh terima kecuali aras 5, 6, 7, 10, 11, 22, 23, 25, 26, 28, 29, 31, 33, dan 34 didapati rendah iaitu di bawah 23°C. Ini adalah kerana terdapat aras yang tidak berpenghuni dan tidak mempunyai bilangan penghuni yang ramai semasa penaksiran dilaksanakan. Walau bagaimanapun, suhu udara yang rendah tidak mendatangkan risiko kepada kesihatan sebaliknya memberikan kesan kepada penggunaan tenaga.




**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 19 / 43

6.4.2 Kelembapan Relatif



	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 20 / 43

Secara umumnya, Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010 telah menggariskan bahawa Julat Boleh Terima bagi kelembapan relatif adalah 40 – 70%.

Secara keseluruhan, purata bacaan yang direkodkan menunjukkan bahawa semua kelembapan relatif bagi setiap cawangan dan pejabat berada dalam julat boleh terima.

Sekiranya kelembapan relatif tinggi (melebihi 70%), ianya berkemungkinan boleh menyebabkan ketidakselesaan, rasa lemas (stuffy), sakit kepala, ketidakselesaan kulit dan ketidakselesaan mata. Selain itu, persekitaran yang lembap juga boleh membentuk persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan mikroorganisma seperti bakteria dan kulat.




**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 21 / 43

6.4.3 Pergerakan Udara



	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 22 / 43

Secara umumnya, Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010 telah menggariskan bahawa Julat Boleh Terima bagi pergerakan udara adalah di antara 0.15 – 0.50 meter per saat.

Berdasarkan penaksiran yang telah dijalankan, didapati bahawa bacaan di kebanyakan titik pensampelan lebih rendah daripada Julat Boleh Terima iaitu Pergerakan udara yang rendah (kurang daripada 0.15 meter per saat). Terdapat juga ruang pejabat yang mempunyai kadar suhu yang mencecah 25°C, namun aliran pergerakan udara di *damper di VAV* tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Di samping itu, kadar pergerakan udara yang perlahan juga boleh akan memberikan masalah kepada retikulasi pengudaraan sekiranya tidak memenuhi julat boleh terima.

Pemeriksaan pada *Building Automation System (BAS)* bertempat di bilik kawalan aras Plaza mendapati bahawa tetapan suhu ditetapkan pada kadar 24° c. Apabila suhu telah mencapai kadar tersebut, *Variable Air Volume (VAV) Box* akan memainkan peranan dengan mengurangkan jumlah pergerakan udara yang akan masuk ke kawasan ruang pejabat.




LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 23 / 43

6.4.4 Karbon Monoksida







**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 24 / 43

Secara umumnya, Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010 telah menggariskan bahawa Had Boleh Terima bagi karbon monoksida adalah 10 ppm (*part per million*). Bacaan yang terhasil daripada pengukuran menunjukkan bahawa terdapat penyusupan masuk karbon monoksida ke dalam bangunan menerusi *fresh air intake* AHU memandangkan lokasi sekitar bangunan yang dekat dengan jalan raya serta padat dengan kenderaan. Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa paras karbon monoksida di bawah Had Boleh Terima. Secara umumnya, gas karbon monoksida adalah beracun kepada manusia dan haiwan bila didedahkan di dalam kosentrasi yang tinggi. Gas ini boleh menyebabkan kesan jangka masa panjang seperti masalah jantung, hilang ingatan dan masalah paru-paru. Pada konsentration yang rendah pula boleh menyebabkan manusia jadi lesu dan menyebabkan sakit dada bagi orang yang mempunyai penyakit jantung. Pada tahap kosentrasi yang sangat tinggi, ianya boleh mengakibatkan kematian.



	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 26 / 43

Secara umumnya, Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010 telah menggariskan bahawa Had Boleh Terima bagi formaldehid adalah di bawah 0.1 ppm (*part per million*).

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa paras formaldehid di Menara KKR 2, Blok G adalah baik dan di bawah Had Boleh Terima kecuali pada sebelah pagi ianya melebihi 0.1 ppm dan kembali di bawah had boleh terima pada sebelah petang. Ini adalah kerana terdapat bahan-bahan cemar kimia yang ditempatkan di dalam ruang pejabat dan ianya terkumpul setelah sistem penyaman udara tidak beroperasi selepas waktu pejabat. Walau bagaimanapun, bacaan kembali ke bawah paras boleh terima setelah sistem stabil. Namun, pendedahan kurang daripada tempoh lapan (8) jam tidak memberikan kesan besar kepada manusia.

Secara amnya, formaldehid merupakan gas sebatian organik meruap (volatile organic compound) yang boleh menyebabkan mata berair, kerengsaan pernafasan dan lain-lain masalah kesihatan yang besar. Sumber formaldehid termasuklah bahan perekat bagi perabot dan produk binaan dalaman, bahan perekat karpet, kerusi lateks/pvc dan pewangi udara (*air freshner*). Walau bagaimanapun, kewujudan sumber bahan cemar tersebut boleh diketahui menerusi 'Material Safety Data Sheet' yang dikeluarkan oleh pembuat bahan-bahan tersebut.

Perdedahan yang berlebihan terhadap formaldehid boleh menyebabkan rasa panas pada mata, hidung dan tekak, batuk, kelesuan, gatal-gatal kulit, sakit kepala, hilang tumpuan dan rasa mual. Dos yang lebih tinggi pula boleh menyebabkan serangan asma, kerosakan pada hati, buah pinggang dan sistem saraf tunjang.




LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 27 / 43

6.4.6 Ozon



	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 28 / 43

Secara umumnya, Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010 telah menggariskan bahawa Had Boleh Terima bagi ozon adalah 0.05 ppm (*part per million*).

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa paras ozon di Menara KKR 2, Blok G adalah baik dan di bawah Had Boleh Terima. Kebiasaannya, punca ozon di dalam ruang bekerja di pejabat dibebaskan menerusi mesin pencetak dan mesin pencetak laser yang menggunakan 'ozone generator'. Ozon mempunyai kira-kira 1 ½ kali lebih berat daripada udara. Bergantung kepada tempoh pendedahan, dengan kepekatan yang rendah ozon boleh menyebabkan kekeringan mulut, kerengsaan tekak, batuk dan sakit kepala. Pada kepekatan yang lebih tinggi, ianya boleh menyebabkan iritasi pada mata, hidung dan tekak.




**LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI
UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA
KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

Tarikh : 5.11.18

Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4

Muka Surat : 29 / 43

6.4.7 Zarahhan Ternafaskan





	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 30 / 43

Secara umumnya, Garispanduan IEQ JKR 2013 dan ICOP 2010 telah menggariskan bahawa Had Boleh Terima bagi Zarahana Ternafaskan (Respirable Particulate) adalah 0.15 mg/m³ (milligram per meter padu).

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa paras Zarahana Ternafaskan di Menara KKR 2, Blok G adalah baik dan di bawah Had Boleh Terima.

Secara amnya, sumber Zarahana Ternafaskan berkemungkinan dihasilkan daripada persekitaran kerja seperti sesalur udara yang kotor, karpel dan jubin lantai yang kotor, pembersihan pejabat yang lemah, dan juga aktiviti manusia. Sindrom kesihatan yang biasanya dilaporkan termasuklah bersin, asma, batuk, gatal-gatal mata, penyakit pernafasan dan kegagalan kardiopulmonari.



	LAPORAN PENAKSIRAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) MENARA KKR2, BLOK G, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA KUALA LUMPUR	Tarikh : 5.11.18
		Rujukan : JKR(CKM)010-7/9/26 Jld.4
		Muka Surat : 32 / 43

